

# **MASLAHAH DALAM PENETAPAN HARGA BARANG**

Abdul Manan Ismail<sup>1</sup>



## ***ABSTRACT***

This study discusses the issue of pricing of goods or the controlled goods price based on *maslahah*. Basically, the pricing of a product is the right of seller, but the government can intervene if there are particular interests. In other words, individual ownership is recognized by Islam as long as it is in line with the spirit of Shariah and does not put aside the public interest.

**Keywords:** *Maslahah*, pricing, goods, rights of seller, individual ownership.

---

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Pengarah Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.

## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan isu penetapan harga sesuatu barang atau harga barang terkawal berdasarkan dalil *maslahah*. Secara asasnya, penetapan harga sesuatu barang adalah hak penjual, namun demikian pemerintah boleh campurtangan sekiranya ada kepentingan-kepentingan tertentu. Dengan kata lain, pemilikan individu diperakui oleh Islam selagi mana ia selari dengan roh Syariat dan tidak mengetepikan kepentingan masyarakat umum.

Kata kunci: *Maslahah*, penetapan harga, barang-barang, hak penjual, pemilikan individu.

## PENDAHULUAN

Setiap orang mempunyai hak untuk memiliki dan menjual sesuatu barang yang telah dimilikinya kerana Islam mengiktiraf hak individu dalam perkara tersebut. Namun demikian, Islam menghadkan batas-batas tertentu dalam urusan penjualan harta umpamanya, para pemerintah boleh menetapkan harga barang tertentu, jika ada unsur-unsur menzalimi orang lain atau terdapat kepentingan umum dalam perkara tersebut.

Justeru, jelaslah bahawa Syarak mengutamakan *maslahah* atau kepentingan bersama dalam menentukan hala tuju sesuatu urusan dalam kehidupan. Penulisan ini akan melihat sejauh manakah roh *maslahah* diterapkan dalam isu penetapan harga barang oleh pemerintah.

## PENGENALAN UMUM TENTANG MASLAHAH

Secara umumnya, *maslahah* didefinisikan sebagai pencarian terhadap manfaat dan penolakan terhadap kemudaratuan (Zaydan, 1996 : 236). Sesuatu *maslahah* yang diambil kira oleh Syarak disebut sebagai *al-Masalih al-Mutabarah*, manakala *maslahah* yang dihapuskan atau ditolak oleh Syarak pula disebut *al-Masalih al-Mulghah*. Ia diikuti dengan *maslahah* yang tidak dinyatakan penerimaan atau penolakannya oleh Syarak, ia disebut sebagai *al-Masalih al-Mursalah* (Zaydan, 1996: 236-237).

Manfaat ataupun *maslahah* yang dimaksudkan oleh Syarak ialah penjagaan agama seseorang hambanya, jiwa, akal, keturunan dan harta bendanya daripada sebarang kerosakan atau kemusnahan (al-Buti, 2000 : 27). Ia juga disebut sebagai *al-daruriyyat*.

Islam juga mementingkan pemeliharaan terhadap keperluan-keperluan selain daripada lima perkara di atas untuk menghindarkan umatnya daripada kesusahan serta kesempitan. Justeru, disyariatkan beberapa perkara untuk tujuan tersebut umpsamanya pengharusan sewaan, jual beli *salam* dan pelbagai jenis *rukhsah* dalam kehidupan beribadah (al-Zuhaili, 1996:2/755).

## PENETAPAN HARGA BARANG DALAM ISLAM

Penetapan harga barang dimaksudkan sebagai satu arahan daripada pihak kerajaan kepada para peniaga untuk menjual sesuatu barang dengan harga tertentu kerana *maslahah* tertentu (Abu Rukhayyah, 1999 : 228).

Penulis akan membincangkan secara ringkas tentang persoalan penetapan harga barang dengan memberikan penekanan kepada dua keadaan iaitu:

- i. Penetapan harga dalam keadaan harga pasaran biasa
- ii. Penetapan harga semasa berlaku kenaikan yang mendadak

## PENETAPAN HARGA DALAM KEADAAN BIASA

Terdapat dua pandangan ulama dalam isu penetapan harga barang ketika keadaan biasa iaitu keadaan kenaikan adalah mengikut harga pasaran biasa dan tiada unsur-unsur yang tidak sihat seperti penipuan harga dan *ihtikar*<sup>2</sup> (Abu Rukhayyah 1999:228-231). Pandangan-pandangan tersebut ialah seperti berikut:

### Pertama

Golongan yang tidak bersetuju dengan penetapan harga barang ketika keadaan biasa. Pandangan ini dipelopori oleh *jumhur* ulama yang terdiri daripada *Hanafiyah*, *Malikiyyah*, *Shafi'iyah* dan *Hanabilah*.

<sup>2</sup> *Ihtikar* ialah kegiatan memonopoli sesuatu barang untuk dijual semula dengan harga yang lebih tinggi.

Pendapat ini berasaskan kepada beberapa dalil, antaranya ialah:

1. Firman Allah Ta`ala

إِلَّا أَنْ تَكُونْ تِجَارَةً عَنْ تِرَاضٍ مُنْكَمٍ

*Kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku secara suka sama-suka di antara kamu.*

(al-Nisa' 4: 29)

Cara pendalilannya ialah setiap orang berhak untuk menguruskan harta benda mereka sama ada ingin menjualkannya, mewakafkannya, menghadiahkannya dan sebagainya. Justeru, pihak berkuasa tidak boleh dengan sewenang-wenangnya campur tangan dalam hal tersebut kerana ia akan menyekat kebebasan seseorang untuk menguruskan harta.

2. Sabda Nabi (S.A.W):

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : غَلَّ السُّعْرُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ النَّاسُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ غَلَّ السُّعْرُ ، فَسَعَرَ لَنَا ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمُسْعُرُ الْقَابِضُ ، الْبَاسِطُ ، الرَّازِقُ ، وَإِنِّي لَأَرْجُو أَنْ أَلْقَى اللَّهُ وَلِيَسْ أَحَدٌ مِّنْكُمْ يَطْلُبُنِي فِي دَمٍ وَلَا مَالٍ }

*Dari pada Anas (r.a) katanya: Harga barang telah meningkat di zaman Rasulullah(S.A.W), maka orang ramai berkata: Wahai Rasulullah, harga barang telah meningkat, justeru tetapkanlah harga barang. Lalu nabi (S.A.W) bersabda: {Sesungguhnya Allah adalah penetap harga, Dia yang mengenggam, Dia yang membentangkan, Dia yang memberi rezeki. Sesungguhnya aku berharap agar bertemu denganNya dan tiada seorang pun yang akan membuat tuntutan terhadapku berkenaan dengan darah dan harta.*

(Abu Daud t.th: 3/272, al-Sancani t.th: 23)

## Kedua

Sa'id ibn al-Musayyib, Rabi'ah ibn 'Abd al-Rahman, Yahya ibn Sa'id al-Ansariyy berpandangan bahawa pihak berkuasa harus menetapkan harga barang walaupun dalam keadaan harga pasaran biasa. Ia adalah berasaskan kepada terdapatnya *maslahah* orang ramai dalam penetapan harga tersebut.

### Pendapat yang dipilih

Secara asasnya, kedua-dua pandangan itu berlandaskan kepada *maslahah*. Namun, perbezaan pendapat berlaku kerana golongan yang pertama berpendapat bahawa *maslahah* peniaga perlu diutamakan manakala golongan yang kedua berpandangan bahawa *maslahah* pengguna atau orang ramai yang perlu diutamakan.

Penulis berpandangan, pendapat golongan pertama lebih kuat kerana dalam situasi demikian, *maslahah* para peniaga untuk mendapatkan keuntungan lebih utama berbanding dengan *maslahah* pihak berkuasa untuk menetapkan harga barang. Dengan erti kata lain jika penetapan harga dilakukan, kemudaratan yang ditanggung oleh peniaga lebih teruk berbanding dengan kemudaratan orang ramai yang membeli. Tambahan pula, harga barang tersebut tidak membebankan orang ramai kerana ia adalah harga pasaran biasa. Ia bersesuaian dengan Kaedah Fiqh iaitu:

إِذَا تَعَارَضَتْ مُفْسَدَتَانِ رُوْعَيٍّ أَعْظَمُهُمَا ضَرَرًا بَارْتَكَابُ أَخْفَهِمَا

*Apabila bertembung antara dua keburukan, maka keburukan yang paling ringanlah yang harus dilaksanakan demi mengelakkan daripada kemudaratan yang lebih dahsyat antara kedua-duanya*

(Shibir 2000: 183, al-Hariri 1998: 95)

Kaedah Fiqh yang lain ialah:

يُخْتَارُ أَهْوَنُ الشَّرِّينِ

*Dipilih yang paling ringan keburukannya (di antara 2 keburukan yang ada)*

(al-Hariri 1998: 94)

## PENETAPAN HARGA SEMASA BERLAKU KENAIKAN YANG MENDADAK

Terdapat dua pandangan ulama tentang penetapan harga barang semasa berlaku kenaikan yang mendadak (Abu Rukhayyah 1999: 231-235). Ia berlaku apabila ada unsur-unsur tidak sihat seperti *ihtikar* atau monopoli. Pandangan tersebut ialah seperti berikut:

- i. Ulama *Shafi'iyyah*, *Hanabilah*, *Malikiyyah* dan Imam al-Shaukaniyy berpandangan bahawa penetapan harga barang ketika itu adalah dilarang. Ia berdasarkan Hadis-Hadis Nabi (S.A.W) yang melarang perkara tersebut antaranya ialah Hadis Anas (r.a) yang telah disebutkan sebelum ini.
- ii. Ulama *Hanafiyah*, sebahagian *Malikiyyah*, *ibn Taimiyyah* dan *ibn al-Qayyim al-Jauziyyah* berpandangan, dalam situasi tersebut harga barang boleh ditetapkan oleh pihak berkuasa. Ia berdasarkan beberapa petunjuk Hadis antaranya ialah Nabi (S.A.W) pernah mengarahkan kepada tuan punya sepoohon pokok<sup>3</sup> untuk menjualkannya atau mendermakan kepada tuan tanah. Namun, dia enggan berbuat demikian. Lalu, Nabi(S.A.W) mengarahkan tuan tanah untuk mencabut pokok tersebut.

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi (S.A.W) mengarahkan tuan pokok untuk mendermakan pokoknya kepada tuan tanah jika dia enggan menjualkannya. Justeru, kita memahami bahawa wajib dijual sesuatu benda yang diperlukan kepada orang yang memerlukan. Oleh yang demikian, penentuan harga barang (dengan harga pasaran) yang telah naik adalah diperlukan demi memastikan kesejahteraan orang ramai terjamin.

### PENDAPAT YANG DIPILIH

Situasi kedua ini berbeza dengan permasalahan pertama tadi iaitu penetapan harga dalam keadaan biasa kerana kenaikan harga barang tersebut akan membebankan orang ramai, lebih-lebih lagi sekiranya

<sup>3</sup> Pokok itu ditanam di tanah milik orang lain. Jadi, telah timbul kesulitan kepada tuan tanah kerana tuan punya pokok tersebut keluar masuk di kawasan tanah kepunyaannya.

ia melibatkan barang-barang keperluan seperti beras, gula, minyak, garam, daging dan ayam.

Kehidupan orang ramai akan terjejas dan sukar jika kenaikan harga barang tersebut tidak dikawal oleh pihak berkuasa. Justeru, pandangan yang kedua lebih relevan untuk diperlakukan demi menjaga *maslahah* orang ramai. Namun demikian, penetapan tersebut mestilah mengambil kira pandangan pakar dalam perkara-perkara yang berkenaan supaya hak peniaga turut terjaga dan tidak teraniaya.

## PENETAPAN HARGA BARANGAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, terdapat beberapa barang yang dikawal harganya oleh pihak Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna. Ia jelas dalam objektif yang digariskan oleh Bahagian Perdagangan Dalam Negeri iaitu memastikan barang-barang perlu yang dikawal di bawah akta kawalan harga dan akta bekalan stabil. Antara barangan yang dikawal harganya ialah seperti berikut: (<http://www.kpdnkk.gov.my>: 2014)

Barang-barang yang telah diisyiharkan sebagai barang-barang kawalan sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961:

1. Gula putih bertapis
2. Petrol
3. Diesel
4. Gas petroleum cecair
5. Tepung gandum
6. Minyak masak
7. *Facemask*

Manakala contoh barang kawalan musim perayaan tiap-tiap tahun ialah seperti berikut:

### Hari Raya Puasa 2014

1. Ayam hidup
2. Ayam standard (disembelih dan dibersihkan beserta kaki, kepala, hati dan hempedal)
3. Ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal)
4. Daging lembu tempatan

5. Daging lembu import ( harga maksimum di Sarawak sahaja)
6. Daging kerbau import (India)
7. Telur ayam gred A
8. Telur ayam gred B
9. Telur ayam gred C
10. Kubis bulat import
11. Cili merah
12. Tomato
13. Kelapa biji
14. Kelapa parut
15. Bawang merah kecil (India)
16. Bawang putih import (China)
17. Ubi kentang import (China)
18. Ikan kembung termasuk ikan mabung

#### Hari Gawai 2014

1. Ayam hidup
2. Ayam standard (disembelih dan dibersihkan beserta kaki, kepala, hati dan hempedal)
3. Ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal)
4. Ayam tua hidup (harga maksimum di Sarawak sahaja)
5. Daging lembu import (harga maksimum di Sarawak sahaja)
6. Babi hidup (harga maksimum dikawal di peringkat lading sahaja)
7. Daging babi (perut)
8. Daging babi (daging dan lemak)
9. Telur ayam gred A
10. Telur ayam gred B
11. Telur ayam gred C

### **MASLAHAH DALAM PENETAPAN HARGA BARANGAN DI MALAYSIA**

Penetapan harga barangan yang dibuat oleh pihak kerajaan adalah selaras dengan *maslahah* seluruh rakyat yang sentiasa memerlukan kepada barangan tersebut. Jika harganya dinaikkan sesuka hati oleh pihak peniaga ia akan mengakibatkan masyarakat berada di dalam keadaan yang tertekan dan menghadapi kesukaran untuk memiliki

barang keperluan mereka seperti gula, minyak masak dan tepung beras.

Ia disokong oleh kaedah fiqh yang masyhur iaitu:

تصريف الإمام على الرعية منوط بالصلحة

*Tindakan dan keputusan pemerintah ke atas rakyat adalah bergantung kepada kemaslahatan umum.*

(al-Suyuti 1998: 121, al-Nadwi 1994: 317)

Ia juga diungkapkan oleh al-Shafi'iyy sebagaimana berikut:

منزلة الإمام من الرعية منزلة الولي من اليتيم

*Kedudukan pemerintah terhadap rakyat adalah seperti kedudukan wali tehadap anak yatim.*

(al-Suyuti 1998: 269)

Di samping kemaslahatan masyarakat pembeli, pihak kerajaan sejak sekian lama dahulutelah mengambil kira *maslahah* para penjual dengan mengkaji kenaikan harga sesuatu barang yang dikawal tersebut jika ia perlu dinaikkan sebagaimana yang dijelaskan oleh Datuk Shafie Apdal, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna: Keputusan kerajaan sama ada untuk menaikkan harga minyak akan hanya dilakukan selepas isu tersebut dikaji secara menyeluruh (Utusan Malaysia : 17 September 2004).

Justeru, jelaslah bahawa penetapan harga sesuatu barang yang dilakukan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepunggunaan dilakukan secara teliti dan saksama dengan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak termasuklah para peniaga dan masyarakat pembeli agar kedua-dua pihak tersebut terbeliau dan tidak teraniaya.

Perlaksanaan yang baik ini sekaligus dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera dan saling bantu membantu di antara satu sama lain. Ia adalah hasil daripada penyeimbangan di antara *maslahah* para peniaga dan *maslahah* para pengguna.

## PENUTUP

Islam memberikan kebebasan dan hak kepada manusia untuk memiliki harta serta dibenarkan kepada pemiliknya untuk menjualkannya dengan harga pilihannya. Dalam situasi harga biasa dan tiada unsur-unsur yang tidak sihat seperti penipuan dan *ihtikar*, pihak berkuasa tidak boleh menetapkan harga sesuatu barang sebaliknya ia terpulang kepada penjual untuk menentukannya.

Namun demikian, pihak berkuasa boleh campurtangan dalam menetapkan harga barang jika penjualan sesuatu barang dibuat dengan harga yang tinggi tanpa alasan yang munasabah serta ia menyebabkan orang ramai menghadapi kepayahan, lebih-lebih lagi jika ia berkaitan dengan barang-barang keperluan asasi seperti beras, minyak, ayam, daging, garam dan gula.

Secara tuntasnya, pihak kerajaan perlulah mengawal harga barang keperluan jika terdapat kenaikan yang mendadak dan ia disebabkan oleh kerakusan para peniaga yang ingin mencari keuntungan yang cepat tanpa mengambil kira kepentingan orang ramai. Di samping itu, pihak yang berkenaan juga perlulah meminta pandangan pelbagai pihak yang pakar sebelum menetapkan harga sesuatu barang agar kemaslahatan para peniaga turut terbela dan mereka tidak teraniaya.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abu Daud, Sulayman ibn al-ash'ath ibn Ishaq ibn Bashir ibn 'Amru al-azdi. T.th. Sunan Abi Daud. Beirut: al-Maktabat al-'Asriyyah.

Abu Rukhayyah, Profesor. Doktor. Majid et al. 1999. *Masail fi al-Fiqh almuqarin*. Edi. Ke 3. Amman: Dar al-Nafais.

al-Buti, Doktor. Muhammad Sa'id Ramadhan. 2000. *Dawabit al-Maslahah Fi al-Shari'at al-Islamiyyah*. Edi. Ke 6. Beirut: Muassat al-Risalah.

al-Haririy, Ibrahim Muhammad Mahmud. 1998. *Al-Madkhal ila al-qawa'id al-fiqhiyyah al-kulliyyah*. Amman: Dar 'Ammar.

al-Nadwi, 'Aliyy Ahmad. 1994. *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Edi. Ke 2. Damsyik: Dar al-qalam.

al-San'ani, Muhammad ibn ismail. T.th. *Subul al-salam*. T.Tp: Dar al-hadith.

Shibir, Muhammad 'Uthman. 2000. *al-Qawa'id al-Kulliyyah wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah*. Amman: Dar al-Furqan.

al-suyuti, Al-Imam Jalal al-Din 'Abd al-Rahman Ibn Abi Bakr. 1998. *Al-Ashbah wa al-Nazair Fi Qawa'id wa Furu' fiqh al-Shafi'iyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Utusan Malaysia : 17 September 2004.

Zaydan, Doktor. 'Abd al-Karim. 1996. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Edi ke 5. Beirut: Muassat al-Risalah.

al-Zuhaili, Profesor. Doktor. Wahbah. 1996. *Usul al-Fiqh al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

<http://www.kpdnkk.gov.my>.